

SIKAP TERHADAP PENDIDIKAN MUZIK DALAM KALANGAN GURU PELATIH PENDIDIKAN MUZIK

Ong Eng Sing @ Peter Ong*, Ong Eng Tek (PhD)⁺ & Yeam Koon Peng[^]

* Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Cheras, Kuala Lumpur Malaysia

+ Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

[^] SMK Khir Johari, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sikap guru-guru pelatih terhadap pendidikan muzik melalui penarafan sendiri menggunakan Instrumen Sikap Terhadap Pendidikan Muzik (I-STPM) yang merupakan adaptasi daripada instrumen-instrumen Pietra, Bidner, dan Devaney (2010) dan Lewis (1991). I-STPM mengukur sikap terhadap pendidikan muzik melalui tiga dimensi atau subskala, iaitu (i) keselesaan mengajar dan mengetuai aktiviti muzik dalam kelas, (ii) manfaat akademik dan sosial daripada pendidikan muzik, dan (iii) pemasukan muzik dalam kurikulum. Seramai 136 orang guru pelatih terlibat dalam kajian ini. Secara kolektif, didapati guru-guru pelatih mempunyai sikap yang sungguh positif (melebihi 80%) merentas ketiga-tiga subskala. Penganalisan berdasarkan jantina dan juga semester pengajian mendapati tiada perbezaan yang signifikan merentas ketiga-tiga subskala. Penganalisan berdasarkan kumpulan etnik pula mendapati guru-guru pelatih daripada etnik Cina mempunyai sikap yang lebih positif dan signifikan secara statistik berbanding dengan guru-guru pelatih etnik Bumiputera dalam subskala keselesaan. Untuk subskala-subskala yang lain, tidak terdapat sebarang perbezaan yang signifikan dicerap. **Langkah**-langkah untuk memantapkan lagi sikap guru-guru pelatih etnik Bumiputera dari segi keselesaan mengajar dan mengetuai aktiviti-aktiviti muzik dalam kelas dibincang dan cadangan-cadangan yang sewajarnya diutarakan.*